



POLISI ANTIRASUAH

**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH
PULAU PINANG (PERDA)**

1. PENDAHULUAN

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) sentiasa komited dalam melaksanakan tadbir urus yang berintegriti, telus dan bebas daripada sebarang ruang kepada amalan rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa.

Sehubungan itu, Polisi Antirasuah PERDA ini digubal untuk memberi penjelasan dan sebagai dokumen rujukan utama berkaitan rasuah dan mekanisme pelaporan kepada warga PERDA dan semua pihak yang berurusan dengan PERDA, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

2. TAKRIFAN

“**PERDA**” bermaksud mana-mana Bahagian/ Unit di PERDA atau PERDA secara keseluruhannya;

“**KKDW**” bermaksud Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah;

“**Warga PERDA**” bermaksud semua anggota kerja PERDA yang dilantik oleh PERDA secara tetap, sementara atau kontrak serta pegawai yang ditempatkan secara sementara di PERDA;

“**Pegawai**” bermaksud seorang anggota kerja PERDA yang dilantik oleh KKDW/ PERDA secara tetap, sementara atau kontrak serta pegawai yang ditempatkan secara sementara di PERDA;

“**SPRM**” bermaksud Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;

“**Peraturan**” atau “**peraturan-peraturan**” bermaksud mana-mana peraturan semasa yang berkuatkuasa;

“**Rasuah**” bermaksud penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi;

“**Suapan**” bermaksud yang boleh datang daripada pelbagai jenis seperti wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun, atau apa-apa manfaat yang seumpama seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3, Tafsiran Akta 694;

“**Akta 694**” bermaksud Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;

“**Akta 605**” bermaksud Akta Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcai) 2000;

“**Akta 574**” bermaksud Kanun Keseksaan;

“**Hadiah**” atau “**sumbangan**” bermaksud apa-apa perkara berbentuk zahir atau selainnya termasuk harta alih, harta tak alih, keistimewaan (privilege) atau perkhidmatan;

“**Konflik kepentingan**” bermaksud yang melibatkan konflik antara tanggungjawab awam dan kepentingan peribadi seseorang di mana pegawai tersebut mempunyai kepentingan peribadi yang berkemungkinan mengganggu objektiviti pegawai ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab.

3. **OBJEKTIF POLISI**

- 3.1 Mencegah, mengesan dan menangani sebarang bentuk rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa dalam semua urusan dan operasi di PERDA;
- 3.2 Membentuk budaya kerja berintegriti dalam kalangan warga PERDA, seterusnya memastikan PERDA bebas daripada amalan rasuah sebagai asas kukuh bagi penyampaian yang cekap, telus dan berterusan;
- 3.3 Memastikan pematuhan sepenuhnya kepada undang-undang, peraturan serta garis panduan yang berkaitan dengan pencegahan rasuah dan tadbir urus yang baik.

4. **PEMAKAIAN**

Polisi ini terpakai kepada warga PERDA. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan dan rujukan oleh pemegang taruh, rakan niaga, kontraktor, pembekal serta mana-mana individu atau organisasi yang berurusan dengan PERDA.

5. PERNYATAAN DASAR ANTIRASUAH

- 5.1 Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) beriltizam untuk melaksanakan standard integriti yang tinggi dalam semua urusan, serta berusaha memastikan sebarang ruang kepada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa ditangani secara cekap dan berkesan.
- 5.2 Sehubungan itu, PERDA dengan ini menyatakan komitmen seperti berikut:
 - 5.2.1 Menggalakkan amalan integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik dalam setiap aspek pengurusan dan pelaksanaan tugas;
 - 5.2.2 Memerangi rasuah serta memastikan persekitaran kerja yang bebas daripada sebarang bentuk salah laku rasuah;
 - 5.2.3 Menegakkan dan mematuhi peruntukan undang-undang berkaitan pencegahan rasuah, khususnya Akta 694 serta lain-lain peraturan yang berkuat kuasa;
 - 5.2.4 Menyediakan saluran aduan dan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat bagi membolehkan warga PERDA dan pemegang taruh melaporkan sebarang salah laku berkaitan rasuah;
 - 5.2.5 Mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana warga PERDA yang terbabit dalam rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa, selaras dengan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa.

6. KESALAHAN-KESALAHAN DAN HUKUMAN SABIT KESALAHAN

- 6.1 Kesalahan rasuah di bawah Akta 694 adalah seperti berikut:
 - 6.1.1 Meminta atau menerima suapan secara rasuah - Seksyen 16 & 17(a)
 - 6.1.2 Memberi atau bersetuju untuk memberi suapan secara rasuah – Seksyen 17(b)
 - 6.1.3 Mengemukakan dokumen/ tuntutan palsu - Seksyen 18;
 - 6.1.4 Penyogokan pegawai awam - Seksyen 21;

6.1.5 Menyalah guna kuasa jawatan atau kedudukan untuk suapan - Seksyen 23;

6.1.6 Kewajipan untuk melaporkan transaksi penyogokan - Seksyen 25.

6.2 Kesalahan di bawah Akta 574 adalah seperti berikut:

6.2.1 Pegawai menerima suapan - Seksyen 161;

6.2.2 Memberi suapan kepada pegawai - Seksyen 162;

6.2.3 Menerima suapan bagi menjalankan pengaruh peribadi atas seseorang penjawat awam - Seksyen 163;

6.2.4 Pegawai menerima benda berharga tanpa balasan yang wajar
- Seksyen 165.

AKTA HUKUMAN	
Seksyen 16, 17, 18, 21 dan 23, Akta 694	• Penjara tidak melebihi 20 tahun; dan • Denda minimum 5 kali ganda nilai rasuah atau RM10,000.00 (mana lebih tinggi)
Seksyen 25, Akta 694	• Denda tidak melebihi RM100,000.00; atau • Penjara tidak melebihi sepuluh tahun; atau • Kedua-duanya
Seksyen 161, 162, dan 165, Akta 574	• Penjara maksimum 3 tahun; atau • Denda, atau • Dengan kedua-duanya

6.3 Pegawai yang melakukan kesalahan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga buang kerja kerana melanggar tatakelakuan di bawah Akta 605.

7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

7.1 PERDA

7.1.1 Menggubal dasar dan polisi antirasuah yang jelas

- PERDA bertanggungjawab merangka dan melaksanakan dasar, polisi dan peraturan antirasuah yang komprehensif, jelas dan mudah difahami oleh warga PERDA.

7.1.2 Membangunkan Budaya Integriti

- Menerapkan nilai integriti dalam budaya kerja melalui latihan, kempen kesedaran dan teladan kepimpinan daripada pengurusan tertinggi;
- Integriti dijadikan sebagai asas tindakan dalam mengambil setiap keputusan dan tindakan.

7.1.3 Melaksanakan Sistem Kawalan Dalaman yang Berkesan

- Menyediakan prosedur kawalan dalaman seperti pengasingan tugas, semakan dalaman, dan audit berkala yang dapat mengesan ketidakpatuhan dan membolehkan tindakan pembetulan diambil dengan segera dan berkesan.

7.1.4 Menyediakan saluran pelaporan yang selamat

- Menyediakan mekanisme yang membolehkan warga PERDA melaporkan salah laku secara sulit dan selamat;
- Memastikan setiap laporan diambil tindakan dan disiasat dengan telus serta adil.

7.1.5 Memberi latihan dan pendidikan berterusan

- Mengadakan latihan berkala berkaitan integriti, etika kerja, dan undang-undang antirasuah kepada semua peringkat warga PERDA;
- Membantu meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap risiko dan akibat rasuah.

7.1.6 Menunjukkan kepemimpinan melalui teladan

- Pihak pengurusan tertinggi perlu menunjukkan komitmen melalui tindakan yang konsisten dan berasaskan integriti;
- Menunjukkan kepemimpinan beretika dan menjadi ikutan serta membentuk budaya organisasi yang positif.

7.2 **WARGA PERDA**

7.2.1 Mengamalkan nilai integriti dan mematuhi etika kerja

- Menjadikan integriti sebagai prinsip asas dalam melaksanakan tugas;
- Bersikap jujur, bertanggungjawab dan menghindari sebarang amalan salah guna kuasa atau kedudukan.

7.2.2 Menolak tawaran rasuah

- Tegas menolak sebarang hadiah, imbuhan, atau ganjaran yang mempunyai unsur rasuah;
- Melaporkan cubaan merasuah kepada pihak berkuasa atau melalui saluran dalaman.

7.2.3 Mematuhi polisi dan prosedur organisasi

- Mematuhi dasar, garis panduan dan prosedur kerja yang ditetapkan, terutamanya yang berkaitan integriti, tatakelola dan pencegahan rasuah;
- Tidak mengambil jalan pintas atau membuat keputusan yang membuka ruang kepada salah laku.

7.2.4 Melaporkan salah laku

- Berani bertindak melaporkan sebarang salah laku melalui saluran yang betul dan selamat;
- Menjadi mata dan telinga organisasi untuk mencegah gejala rasuah.

7.2.5 Meningkatkan pengetahuan mengenai rasuah

- Menyertai latihan, ceramah, dan taklimat berkaitan antirasuah;
- Peka terhadap isu integriti dan berusaha memperbaiki diri secara berterusan.

7.2.6 Mengisytiharkan harta setiap 5 tahun atau apabila terdapat penambahan dan pelupusan harta.

7.2.7 Mengisytiharkan sebarang konflik kepentingan yang wujud bagi mengelakkan salah guna kuasa dan bias.

7.3 PIHAK LUAR

7.3.1 Pelanggan dan pembekal menjalankan urusan secara telus

- Pelanggan dan pembekal wajib berurusan secara jujur, tanpa menggunakan sebarang bentuk sogokan atau pengaruh tidak wajar;
- Menghormati semua prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh PERDA.

7.3.2 Komuniti dan orang awam

- Menolak rasuah dalam apa jua bentuk serta melaporkan salah laku jika berlaku;
- Menyokong usaha antirasuah melalui penglibatan dalam program kesedaran dan pendidikan masyarakat.

7.3.3 Pemegang taruh (*stakeholders*) lain

- Lembaga pengarah, pemegang saham, rakan kongsi strategik dan pihak berkepentingan lain perlu memastikan organisasi mengamalkan tadbir urus yang baik dan bebas rasuah.
- Menuntut ketelusan dalam aspek kewangan, operasi, dan keputusan organisasi.

8. PANDUAN APABILA BERHADAPAN DENGAN ISU PERLAKUAN RASUAH

8.1 TOLAK

- 8.1.1 Pegawai yang ditawarkan, diberi atau diminta untuk menerima serta memberi rasuah wajib menolak tawaran tersebut serta merta;
- 8.1.2 Jika pegawai menerima arahan daripada pihak atasan untuk melakukan atau bersubahat dalam kesalahan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang, pegawai hendaklah menolak arahan tersebut.

8.2 LAPOR

- 8.2.1 Pegawai yang mengetahui tentang perlakuan rasuah yang telah, sedang atau akan berlaku hendaklah segera melaporkan kepada Unit Integriti PERDA atau SPRM.
- 8.2.2 Jika menerima maklumat daripada mana-mana pihak berkaitan perlakuan rasuah yang melibatkan PERDA dan warga PERDA perlu melaporkan kepada Unit Integriti PERDA atau SPRM.
- 8.2.3 Maklumat laporan adalah sulit, pegawai dilarang mendedahkan kepada mana-mana pihak lain.
- 8.2.4 Identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan untuk mengelakkan sebarang tindakan balas atau risiko keselamatan.
- 8.2.5 Kegagalan untuk melaporkan perlakuan rasuah merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang di bawah Akta 694.

9. MEKANISME PELAPORAN

- 9.1 Mana-mana individu yang mengetahui atau terlibat dalam situasi berkaitan rasuah hendaklah melaporkan segera melalui saluran yang disediakan.
- 9.2 Saluran pelaporan melalui SPRM boleh dibuat melalui cara berikut:
 - Hadir ke mana-mana Pejabat SPRM;
 - Laman web rasmi SPRM – www.sprm.gov.my

- E-mel SPRM – aduan@sprm.gov.my
- Talian Aduan SPRM 1-800-88-6000
- Lain-lain saluran semasa yang disediakan oleh SPRM

9.3 Saluran pelaporan melalui Unit Integriti PERDA seperti berikut:

- Alamat

Unit Integriti
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
No. 1, Lorong Kampung Gajah 2,
Jalan Kampung Gajah,
12200 Butterworth,
Pulau Pinang
- Telefon : 04-3141100 / 3141 221 / 3141 224
- E-mel - integriti@perda.gov.my

10. PENUTUP

PERDA tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk rasuah, salah guna kuasa atau penyelewengan. Polisi ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan PERDA dalam usaha membina organisasi yang berwibawa, beretika dan mendapat kepercayaan rakyat.

Dengan pelaksanaan polisi ini, PERDA menegaskan pendirian tegas untuk mengukuhkan budaya integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik dalam setiap aspek pentadbiran dan operasi.

Tarikh Penerbitan : 1 Oktober 2025

RUJUKAN

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694);
2. Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcai) 2000 (Akta 605);
3. Kanun Keseksaan (Akta 574).